

# Dikunjungi 5,000 pelancong sebulan selepas diiktiraf Tapak Warisan Dunia

# Lembah Lenggong makin popular

Metro 5/9/13 MS 20

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI  
syakir.sazili@kosmo.com.my

**LENGGONG** – Kerajaan negeri Perak yakin potensi warisan arkeologi Lembah Lenggong yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dapat terus diketengahkan.


Menteri Besar, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir berkata, sejak menerima pengiktirafan tersebut, jumlah pelancong, dari dalam dan luar negara ke kawasan berkenaan menunjukkan peningkatan ketara.

Katanya, pengiktirafan Lembah Lenggong juga telah membuka pintu yang lebih luas terhadap industri pelancongan khususnya di kawasan Hulu Perak.

“Purata kedatangan pelancong setiap bulan meningkat daripada 2,000 kepada 5,000 dan ia menunjukkan kesan positif hasil pengiktirafan tersebut.

“Lembah Lenggong telah terkenal di seluruh dunia dan berada dalam peta pelancongan antarabangsa,” katanya pada majlis sambutan ulang tahun pertama pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Warisan Dunia di Dataran Lenggong di sini malam kelmarin.

Majlis perasmian tersebut disempurnakan Pemangku Raja Perak, Raja Dr.



**RAJA DR. NAZRIN** (kanan) menerima cenderamata daripada Pesuruhjaya Warisan Negara, Prof. Emeritus Datin Zuraina Majid (dua dari kiri) sambil diperhatikan Zambry (kiri) di Lenggong kelmarin.

Nazrin Shah.

Hadir berangkat ke majlis itu, Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim.

Raja Nazrin berkenan melancarkan gimik perasmian dengan menandatangani lukisan Perak Man yang akan digunakan sebagai logo rasmi sambutan yang bakal diadakan setiap tahun.

KOSMO 5/9/13 MS 22

Tambah Zambry, kerajaan negeri turut komited dalam memastikan khazanah warisan Lembah Lenggong terpelihara melalui garis panduan tertentu yang diwujudkan sekali gus memastikan status sebagai Tapak Warisan Dunia dikekalkan.

Pada 30 Jun 2012, warisan arkeologi Lembah Lenggong diiktiraf sebagai Tapak Wa-

## INFO Lembah Lenggong

- Terletak di Lenggong, Hulu Perak.
- Lembah ini merupakan kawasan yang disaliri oleh Sungai Lenggong dan ranting sungainya.
- Merupakan kawasan penemuan pelbagai artifak sejarah seperti Perak Man.
- Merupakan kawasan tempat tinggal manusia yang paling awal diketahui di Semenanjung Malaysia.
- UNESCO telah mengiktiraf Lembah Lenggong sebagai salah satu daripada Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012.

risan Dunia oleh UNESCO, satu pengiktirafan yang mengukir nama negara dalam peta arkeologi dan pelancongan dunia.

Penyenaraian itu menjadikan kawasan berkenaan sebagai Tapak Warisan Dunia ke-953 dan keempat di Malaysia selepas bandar raya Melaka, George Town, Taman Negara Gunung Mulu di Sarawak dan Taman Kinabalu, Sabah.

Lembah Lenggong yang terletak kira-kira 80 kilometer dari Ipoh telah membuka pintu kepada orang ramai untuk melihat sendiri warisan prasejarah negara.